



Headline: RM1.25j lesap telefon 2 kali sehari  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 19 January 2020

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 17

## RM1.25j lesap telefon 2 kali sehari

**Kuala Lumpur:** Dihubungi dua kali sehari bagi tempoh lebih lima bulan kerana kononnya bersubahat dengan penjenayah dalam kegiatan haram.

Itu taktik digunakan sindiket *Macau Scam* bagi memperdayakan seorang kakitangan wanita sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mengakibatkan mangsa kerugian RM1.25 juta.

Sumber berkata, mangsa berusia 60-an menerima panggilan telefon daripada individu mendakwa kakitangan syarikat kurier dan memaklumkan dia mempunyai saham yang perlu dilaporkan kepada mahkamah pada 1 Ogos tahun lalu.

“Walaupun mangsa menafikan perkara itu, panggilan disambungkan kepada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai inspektor sebelum lelaki berkenaan mendakwa identiti wanita terbabit digunakan penjenayah.

“Inspektor terbabit juga mendakwa mangsa bersubahat dengan penjenayah itu dan menerima 10 peratus daripada wang

hasil kegiatan haram berkenaan. Sejak itu, mangsa diarahkan melaporkan lokasi dan aktiviti harian setiap dua jam selain mengisyiharkan semua status kewangannya,” katanya.

Katanya, mangsa dimaklumkan inspektor terbabit dia mendapat arahan untuk menahan wanita berkenaan pada September tahun lalu.

“Mangsa diarahkan memindahkan semua wangnya termasuk membayar ganti rugi ke dalam akaun lain diberikan inspektor itu bagi tujuan siasatan.

“Wanita itu membuat transaksi pertama berjumlah hampir RM1 juta penghujung September lalu dan beberapa transaksi berperingkat ke tujuh akaun berlainan berjumlah lebih RM11,000,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Siasatan) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk Saiful Azly Kamaruddin ketika dihubungi semalam mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.